



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGURUSAN SUMBER
WISMA TANI, ARAS 1, 4G2
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.



<http://www.dof.gov.my>

hqhelp@dof.gov.my

Telefon : 03-8870 4000 Faks (Pelesenan) : 03-8889 1233 Faks (Ketua Pengarah) : 03-88892460

Ruj. Kami : Prk. ML. 76/01 31.7 (4)
Tarikh : 27 Feb 2012

Semua Pengarah Perikanan Negeri

Tuan,

**DASAR PELESENAN MENGENAI TUKAR ZON DARI ZON A / B
KE ZON C (Pekeliling Cawangan Pelesenan – Feb. 1/2012)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikepilkan Pekeliling Cawangan Pelesenan Februari 1/2012 mengenai pelaksanaan dasar baru bagi permohonan tukar zon dari zon A/B ke zon C.
3. Semua permohonan tukar ke zon C hendaklah memenuhi syarat yang telah ditetapkan di dalam pekeliling berkenaan. Permohonan yang tidak memenuhi syarat hendaklah ditolak di peringkat negeri.

Sekian, untuk tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

(HAJI GULAMSARWAR BIN JAN MUHAMAD)

Pengarah Bahagian Pelesenan Dan Pengurusan Sumber,
b.p. Ketua Pengarah Perikanan Malaysia,
Putrajaya.

s.k. Y.H. Dato' KPP

Y.Bhg. Dato' TKP(Operasi)

Y.Brs.TKP (Pembangunan)

Semua Pengarah Bahagian

Semua KC Bahagian P & PS

Semua PP Bahagian P & PS



**DASAR DAN PROSIDUR PELESENAN JABATAN PERIKANAN MENGENAI
PERMOHONAN TUKAR ZON DARI ZON A/B KE ZON C
(Pekeliling Cawangan Pelesenan - Februari 1/2012)**

1.0 TUJUAN PEKELILING

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa permohonan tukar zon dari zon A/B ke zon C hendaklah serentak dengan permohonan tukar kulit atau ubahsuai vesel selari dengan saiz yang ditetapkan bagi zon berkenaan. Walau bagaimana hendaklah diambilkira bagi mewujudkan zon penampakan sebanyak 5 GRT. Zon penampakan ini adalah dengan tujuan tidak timbul 'ambiguiti' dalam penentuan zon serta tidak berlaku tiada perbezaan signifikan dalam saiz vesel dalam zon yang berlainan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Semua telah sedia maklum tentang dasar yang berkaitan dengan penetapan zon dan muatan. Dengan mengambil kira zon penampakan ini bagi tukar kulit /ubahsuai bagi vesel B hendaklah tidak melebihi 35 GRT dan bagi vesel C tidak melebihi 65 GRT. Jika melepasi muatan yang ditetapkan ianya akan diserap di zon yang lebih besar.
- 2.2 Sebanyak 12 buah vesel zon A dan 60 buah vesel zon B telah diberi kelonggaran oleh Jabatan untuk beroperasi di zon C walaupun muatannya tidak mencapai kadar yang ditetapkan. Kelonggaran diberi dengan harapan pemilik vesel akan mengemukakan permohonan tukar kulit dengan saiz vesel yang lebih besar, selesa dan selamat.
- 2.3 Sehingga kini tiada satu permohonan pun dari pemilik vesel zon A/B yang mendapat kelonggaran Jabatan mengemukakan permohonan tukar kulit. Jabatan bimbang keselamatan nelayan berkenaan kerana mereka terus beroperasi dengan menggunakan vesel yang bersaiz kecil.

3.0 TUJUAN PELAKSANAAN

- 3.1 Untuk memastikan bahawa vesel yang beroperasi di zon C adalah vesel yang bersaiz besar, selesa dan selamat.
- 3.2 Penyelarasan disegi perundangan dengan mengambil kira zon penampakan bagi vesel zon C. Muatan vesel zon C ialah 35 GRT dan keatas dengan muatan maksima ke bawah 65 GRT.
- 3.3 Menggalakkan penggunaan vesel bersaiz besar di perairan zon yang lebih tinggi.


4.0 SYARAT

- 4.1 Permohonan tukar zon dari zon A/B ke zon C hendaklah serentak dengan permohonan tukar kulit atau ubahsuai vesel.
- 4.2 Muatan vesel baru bagi permohonan tukar zon hendaklah mematuhi kadar muatan yang ditetapkan oleh Jabatan.
- 4.3 Permohonan tukar ke zon C semata-mata untuk menggunakan kru asing tidak dibenarkan kecuali saiz veselnya layak untuk beroperasi di perairan berkenaan.
- 4.4 Semua permohonan tukar zon hendaklah memenuhi syarat-syarat diatas Permohonan yang tidak memenuhi syarat hendaklah ditolak di peringkat negeri.

5.0 Pekeliling ini berkuatkuasa dengan **SERTA MERTA**.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'.

Saya yang menurut perintah,



(HAJI GULAMSARWAR BIN JAN MOHAMMAD)
Pengarah Bahagian Pelesenan dan Pengurusan Sumber
Ibu Pejabat Perikanan
Putrajaya.